MASAALAH MUAFIK DAN MASBUK

HASSAN BIN AHMAD

Syarikat Jaffar Rawas Sdn. Bhd.

MASAALAH

MUAFIK DAN MASBUK

OLEH

HASAN BIN AHMAD

Syarikat Jaffar Rawas Sdn Bhd

Hak cipta terpelihara
Di terbit edar :
Syarikat Jaffar Rawas Sdn Bhd
1962 Jalan Dato' Pati
15000 Kota Bharu
Kelantan.
Tel: 09-7481073
Fax :09-7444419

Kata pengantar

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Alhamdulillahi rabbil alamin, wassalati wassalamuala Saiyidina Muhammad Rasulullah waala alihi wasohbihi wasallam

Memandangkan masalah muafik dan masbuk itu merupakan perkara yang amat penting dan wajib diketahui oleh semua para maamum dan seluruh umat islam amnya kerana masalah itu mempunyai kaitan rapat dengan ibadat solat, sembahyang bagi seseorang maamum tidak akan menjadi sempurna dan sah selagi mereka jahil dalam masalah itu lebih-lebih lagi jika melanggar hukum-hukum fekah dalam masalah muafik dan masbuk.

Tetapi apa yang berlaku kepada masyarakat umumnya pada masa kini, bahawa pada kebanyakkan mereka menjadi kesukaran untuk memahami masalah muafik dan masbuk dengan tepat mengikut hukum fekah.

Boleh jadi kesukaran yang mereka hadapi itu adalah di sebabkan oleh beberapa faktor, di antaranya di sebabkan buku-buku atau kitab-kitab yang menghuraikan masalah muafik dan masbuk dengan cara yang mudah serta dengan bahasa yang senang adalah sangat berkurangan sekali, atau boleh jadi juga kerana umat islam sekarang sentiasa dalam kesibukkan mencari nafkah hidup sehingga tidak ada masa dan ruang untuk membaca dan mengkaji dalam kitab-kitab fekah berhubung masalah ini.

Walau apa saja alasan yang menghalang umat islam dari memahami masalah muafik dan masbuk, mereka tidak boleh membiarkan keadaan demikian berterusan malahan menjadi tanggungjawab fardu ain ke atas mereka memahami hukum ini dengan tepat.

Oleh yang demikian saya dengan serba kekurangan dan tenaga yang daif ini cuba menyusun risalah yang kecil ini bagi percetakan kedua dengan di beri nama " Masalah muafik dan masbuk".

Saya sangat-sangat berharap kepada ulamak-ulamak para-para guru agar memberi teguran jika terdapat dalam risalah kecil ini kekurangan dan kecacatan dan kepada Allahu Azzawajalla saya bermohon semoga memberi keberkatan di atas usaha yang kerdil ini.

Al-Fakir Ilallah
Hassan bin Ahmad
Kg. Tiong Dalam
Kota Bharu Kelantan

Kedudukan Sembahyang Dalam Islam

Sudah menjadi perkara yang lumrah di kalangan masyarakat islam bahawa sembahyang merupakan tiang agama dan ianya menjadi garisan pemisah antara islam dan bukan islam, sehingga di akhirat nanti bahawa amalan manusia yang pertama di hisab oleh Allah S.W.T ialah sembahyang sebagaimana sabda Rasullullah S.A.W:

«أَوَّلُ مَايُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الصَّلاَةُ، فَإِنْ صَلُحَتْ صَلُحَ سَائِرُ عَمَلِهِ وَإِنْ فَسَدَتْ فَسَدَ سَائِرُ عَمَلِهِ.»

Makdsudnya : Perhitungan yang mula-mula sekali di lakukan ke atas seorang hamba di akhirat nanti ialah sembahyang, jika baik sembahyang maka baiklah segala amalan-amalan yang lain dan jika rosak sembahyang maka turut rosak segala amalan yang lain.

Sabdanya lagi:

«مَنْ حَافَظَ عَلَيْهَا كَانَتْ لَهُ نُوْرًا، وبُرْهَانًا وَنَجَاةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَنْ لَمْ يُحَافِظْ عَلَيْهَا لَمْ يَكُنْ لَهُ نُوْرٌ وَلاَبُرْهَانٌ وَلاَنَجَاةٌ، وَكَانَ يَـوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ قَارُوْنَ وَفِرْعَوْنَ وَأُبَيِّ بِنْ خَلَفْ».

(Rawahul Imam Ahmad Wattabarani)

Maksudnya : Sesiapa menjaga sembahyang dengan baik, sembahyang itu memberi kepadanya cahaya, menjadi bukti dan berjaya di akhirat nanti, jika sesiapa tidak menjaga sembahyang tidak ada baginya cahaya tidak ada baginya bukti dan kejayaan dan pada hari kiamat bersama Karun dan Firaun dan Abi bin Khalaf.

(Rawahul Imam Ahmad Wattabarani)

Dan sabdanya lagi :

«بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الْكُفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةِ».

Maksudnya : Batasan pemisahan antara seorang itu dengan kufur ialah tinggalkan sembahyang.

(Rawahul Imam Ahmad Wamuslim)

Dari keterangan hadis di atas bahawa tugas sembahyang ke atas setiap individu wamuslim merupakan tanggungjawab yang paling besar dan utama terhadap Allah S.W.T malahan untung rugi nasibnya di alam akhirat bergantung kepada sejauh mana keelokkan sembahyangnya, kerana Allah S.W.T menjadikan sembahyang itu jalan untuk mencapai kemenangan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Menunaikan sembahyang dengan sempurna itu akan memberi cahaya kepada hati, mendidik jiwa, mengajar seseorang itu akan adab-adab perhambaan dan menanamkan dalam hati kebesaran Allah.

Oleh itu setiap muslim dan muslimah hendaklah menunaikan sembahyang masing-masing dengan betul dan tepat sebagaimana yang di tunjukkan Rasullullah S.A.W mereka mesti faham rukun dan syaratnya, sah batalnya, perlu mengetahui segala peraturan dan adabnya, masbuk dan muafiknya jika ia menjadi ma'mum dan wajib ia mengetahui syarat-syarat menjadi imam jika ia hendak menjadi imam dalam sembahyang jamaah dan jumaat,

Memandangkan kedudukan sembahyang adalah besar dan pokok agama, maka sebahagian sahabat Rasullullah S.A.W dan sebahagian ulamak tabi'in dan sebahagian daripada ulamak kemudian berpendapat bahawa orang-orang muslim yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja hukumnya kafir. Sahabat-sahabat yang berpendapat demikian seperti Umar bin Khatab, Abdullah bin Mas'ud, Abdullah bin Abbas, Muaz bin Jabbal, Jabir bin Abdullah dan Abu Darda' radiyallah huanhum. Tetapi sebahagian yang lain pula berpendapat bahawa orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja selama tidak mengingkari tentang wajibnya maka hukum orang ini adalah fasik, tetapi ia hendaklah di penjarakan sehingga ia tunaikan sembahyang, supaya dia tidak menjadi ikutan yang buruk kepada orang lain.

Imam-imam mazhab berpendapat bahawa wajib di bunuh ke atas orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja sebagaimana di jelaskan oleh Sheikh Muhammad Ahmad dalam kitabnya "Miftahul khatabah walwa'zu".

Imam-imam mazhab mengatakan wajib di bunuh orang yang meninggalkan sembahyang itu kerana kekufurannya seperti Ahmad, Ishak dan Ibnu Mubarak. Manakala yang mengatakan wajib di bunuh kerana menjalankan had seperti Mazhab Maliki, Assyafie dan Abu Hanifah. Sila rujuk kepada kitab Bidayatul Mujtahid oleh Ibnu Rashad, beginilah hukumnya syariat islam ke atas mereka semua yang mengaku berlindung di bawah naungan islam sedangkan mereka dusta kerana tidak menunaikan salah satu rukun yang penting itu. Bagi kita sebagai seorang yang faham syariat Allah itu tidak merasai terkejut dan aneh apabila mendengar hukuman terhadap mereka yang meninggalkan itu kufur atau fasik. Bertambah jelas lagi apabila kita memperhatikan kepada sabda Rasullullah S.A.W:

«عُرَى الإِسْلَامِ وَقَوَاعِدُ الدِّيْنِ ثَلَاثَةٌ عَلَيْهِنَّ أُسِّسَ الإِسْلَامُ، مَنْ

تَرَكَ وَاحِدَةً مِنْهُنَّ فَهُوَ بِهَا كَافِرٌ، حَلَالُ الدَّمِ. شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ، وَالصَّلَاةُ الْمَكْتُوبَةُ، وَصَوْمُ رَمَضَانَ».

(Rawahul Abu Ya'la)

Maksudnya: ikatan islam dan asas –asas agama itu ada tiga perkara di atas inilah tertegaknya islam ,barang siapa meninggalkan salah satu daripadanya maka dia menjadi kafir dan halal darahnya, iaitu syahadah la ilahaillallah,sembahyang yang di wajibkan dan puasa di bulan Ramadan.

Sembahyang Berjamaah

Sembahyang berjamaah merupakan sunat muakad kepada muslimin dan juga adalah fardu kifayah, jika sekiranya dalam sebuah kampung dan mukim, itu tidak mendirikan sembahyang berjamaah semuanya penduduk kampung itu berdosa belaka.

Solat berjamaah sangat penting dalam pengajaran islam, disamping ianya melaksanakan kewajipan terhadap Allah Azzawajalla, berjamaah juga dapat melatih kaum muslimin agar mereka berada di dalam kesatuan yang kukuh, iaitu kesatuan islam yang menjadi kekuatan hidup mereka di dunia dan mendapat keredhaan Allah di akhirat nanti. Di dalam solat berjamaah merupakan titik tolak permulaan bagi perpaduan umat islam yang mana mereka harus panjangkan perpaduan mereka di luar sembahyang dalam semua lapangan hidup berdasarkan islam.

Solat berjamaah juga menunjukkan kepada kita bahawa islam menghendaki umatnya berada di dalam barisan islam berganding bahu di dalam menjunjung perintah Allah serta melaksanakan syariatnya tanpa mengira kedudukan pangkat berlainan bahasa dan kulit.

Sebagaimana firman Allah:

«وَاعْتَصِمُوْا بِحَبْلِ اللهِ جَمِيْعًا وَلاَتَفَرَّقُوْا». (53: 103)

Berpegang teguhlah kamu kepada tali Allah semuanya dan jangan berpecah belah.

Sembahyang berjamaah merupakan salah satu dari tali Allah yang di perintah supaya kita umat islam berpegang dengannya dalam hidup setiap hari.

Diriwayatkan dari Ibnu Umar radiyallahuan bahawa Rasullullah S.A.W bersabda:

«صَلاَةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلاَةِ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِيْنَ دَرَجَةً».

(mutafaqum alaih)

Maksudnya : Rasulullah S.A.W bersabda: sembahyang berjamaah itu lebih baik daripada sembahyang seorang diri dua puluh tujuh ganda ganjaran pahala.

Daripada Abi Darda' radiyallahuan, menceritakan bahawa beliau mendengar Rasulullah S.A.W besabda:

«مَامِنْ ثَلاَثَةٍ فِيْ قَرْيَةٍ وَلاَبَدْوٍ لاَتُقَامُ فِيْهِمُ الصَّلاَةُ إِلاَّ قَدِ اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَعَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ».

Maksudnya : Tiada tiga orang dalam sebuah kampung yang tidak mendirikan sembahyang berjamaah melainkan di pengaruhi oleh syaitan, maka oleh itu hendaklah kamu mendirikan jamaah.

Jelas sekali bahawa hikmah dan faedah solat berjamaah amat banyak sehingga digandakan ganjaran pahala dua puluh tujuh kali.

Walaubagaimana pun kaum muslimin dan muslimat sekalian perlu mengambil ingatan bahawa di sana banyak hadis-hadis dari Rasulullah S.A.W menerangkan kepada kita sebab-sebab yang membawa kecacatan sembahyang berjamaah serta tidak di terima oleh Allah S.W.T

Sebagaimana hadis dari Ibni Abas bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

«ثَلَاثَةٌ لَاتَرْفَعُ صَلَاتُهُمْ فَوْقَ رُؤُوسِهِمْ شِبْرًا: رَجُلٌ أَمَّ قَوْمًا وَهُمْ لَهُ كَارِهُونَ، وَامْرَأَةٌ بَاتَتْ وَزَوْجُهَا عَلَيْهَا سَاخِطٌ، وَأَخَوَانِ مُتَصَارِمَانِ».

(Rawahul Ibnu Majah)

Tiga jenis tidak di angkat sembahyang mereka walaupun sejengkal dari kepala iaitu seorang lelaki menjadi imam sembahyang kepada suatu kaum sedangkan kaum itu tidak suka kepadanya (kerana kekurangan yang ada padanya), seorang perempuan yang tidak tidur waktu malam sedangkan ia di dalam kemarahan suaminya dan dua saudara yang berkelahi.

Untuk menjadikan sembahyang berjamaah itu lebih sempurna diperturunkan sedikit panduan untuk para-para imam diantaranya:

1. Jangan menjadi imam jika para ma'mumnya kurang senang terhadapnya atau tidak bersetuju kepadanya

2. Jangan naik kehadapan menjadi imam kalau ada di belakangnya orang yang fakih daripadanya kecuali orang itu enggan menjadi imam.

3. Bila menjadi imam hendaklah ia berikhlas kepada Allah sebagai seorang yang menunaikan amanah Allah

4. Sebelum mengangkat takbiratul ihram hendaklah ia memeriksa saf-saf supaya rata.

5. Imam hendaklah mengangkatkan suara ketika melafazkan takbiratul ihram dan juga apabila menyebut takbir-takbir perpindahan (intiqala) rukun fi'li kepada rukun yang lain.

6. Diutamakan imam dalam solat berjamaah itu mengikut susunan tertib seperti berikut:

- fakih (yang lebih alim ilmu fekah).
- qari (yang pandai membaca al-quran).
- wara'.
- yang lebih lama berhijrah ke kampung islam.
- yang lebih lama memeluk islam.
- yang lebih bersih pakaian dan badan, serta lebih bersih pekerjaan dari kekotoran dan daki-daki.
- yang mempunyai suara yang elok.
- yang cantik rupa paras

Jika ada persamaan dalam kelayakan menjadi imam, umpamanya sama-sama elok bacaan quran hendaklah diutamakan orang yang lebih wara' dan seterusnya.

- jangan tolak menolak menjadi imam.

Muafik dan Masbuk

Didalam sembahyang berjamaah samada berjamaah kerana menunaikan sembahyang yang wajib seperti zohor, asar, magrib, insya' dan subuh atau kerana solat-solat sunat dengan berjamaah seperti sembahyang sunat terawih dan lain-lain lagi. Bagi seorang ma'mum semasa berjamaah dengan imamnya ia mesti berada dalam salah satu dari dua keadaan, sama ada dia menjadi seorang muafik (bersama) dengan imamnya atau masbuk (di dahului) oleh imamnya. Atau dengan lain perkataan bahawa setiap ma'mum kadang-kadang dia sempat bersembahyang bersama imamnya dari awal lagi, dan kadang-kadang dia masuk berjamaah lewat sedangkan imam sedang sembahyang. Atau kadang-kadang seorang ma'mum niat berjamaah bersama imam pada awal takbiratul ihram lagi tetapi apabila sampai di pertengahan sembahyang ma'mum tersebut ditinggalkan oleh imamnya dengan sebab sesuatu hal.

Oleh itu seorang ma'mum kadang-kadang dia menjadi seorang masbuk dan kadang-kadang ia menjadi muafik. Jika semasa dia menjadi seorang muafik maka wajib ke atasnya menjaga hukum dan syarat-syarat muafik, kalau tidak, sembahyang ma'mum itu tidak sah dan batal dan begitu juga manakala semasa dia menjadi seorang yang masbuk kewajipan ke atasnya memelihara syarat dan peraturan-peraturan sebagai seorang masbuk pula.

Ta'arif muafik dan masbuk

Muafik : maksudnya ialah seorang ma'mum yang sempat berjamaah dengan imam semasa berdiri (qiam) imamnya, di mana ia sempat berjamaah dengan imam sekadar masa yang membolehkan ia membaca surah al-fatihah hingga tamat mengikut pembacaan yang pertengahan dikalangan aruf orang ramai tidak berdasarkan kepada bacaan ma'mum itu dan juga tidak berdasarkan kepada bacaan imamnya. Tetapi berdasarkan kepada bacaan aruf orang ramai

Masbuk: maksudnya ialah seorang ma'mum yang tidak sempat berjamaah semasa berdiri (qiam) imamnya sekadar masa membaca al-fatihah dengan bacaan yang pertengahan,tidak terlalu cepat dan tidak terlalu lambat,malahan perhitungan bacaan al-fatihah itu tidak berpandukan kepada bacaan imam dan tidak berpandukan kepada bacaan ma'mum itu bahkan mengikut bacaan aruf orang ramai. Mana-mana ma'mum yang tidak sempat berjamaah dengan imam semasa berdiri (qiam) imamnya sekadar masa yang membolehkan ia membaca al-fatihah hingga selesai maka di namakan masbuk.

Muafik dan masbuk boleh berlaku ke atas seseorang ma'mum pada empat rakaat sama ada pada rakaat pertama,rakaat ke tiga,dan seterusnya pada rakaat ke empat.

Hukum orang muafik

Sebagaimana di jelaskan di atas bahawa orang yang muafik itu ialah ma'mum yang sempat berjamaah dengan imam semasa berdiri (qiam) imamnya,dan kesempatan berjamaah dengan imam itu hendaklah mempunyai sekadar masa yang membolehkan beliau membaca surah al-fatihah hingga selesai dengan bacaan orang ramai, tidak terlalu cepat dan tidak terlalu lambat.

Hukum bagi orang muafik di maafkan kepadanya tertinggal jarak tiga rukun yang panjang daripada imamnya, tidak termasuk rukun-rukun yang pendek,rukun-rukun yang panjang itu seperti rukuk dan sujud manakala rukun yang pendek seperti iktidal dan duduk diantara dua sujud.

Juga di kehendaki ketinggalan tiga rukun yang panjang itu tidak termasuk dan dikira duduk istirahah (iaitu duduk sebentar selepas sujud kedua sebelum bangkit) begitu juga tidak dikira duduk tasyhud awal dan iktidal.

Contoh-contoh dan gambarannya:-

1. seorang ma'mum yang muafik sedang sembahyang berjamaah ,sebelum imam qiam berdiri tegak daripada sujud yang kedua dia sudah rukuk .maka ma'mum berkenaan memdapat rakaat itu kerana ketinggalannya daripada imam belum masuk kepada rukun ke empat.

2 .seoarng ma'mum yang muafik sedang sembahyang berjamaah, sebelum imam duduk tasyhud akhir ma'mum berkenaan sudah rukuk, hukumnya dia juga mendapat rakaat itu.

kedua contoh-contoh diatas menunjukkan bahawa ma'mum berkenaan masih lagi berada dalam jarak tiga rukun daripada imamnya,belum lagi masuk kerukun ke empat.sebagaimana contoh-contoh di atas itu bahawa rukun-rukun yang renggang atau jarak antara ma'mum dengan imam ialah tiga rukun yang dikira daripada:-

(1) rukuk
(2) sujud yang pertama
(3) sujud yang kedua

3. Jika seorang muafik itu sembahyang berjamaah, apabila imamnya sudah berada dalam qiam kedua untuk membaca al-fatihah tetapi ma'mum berkenaan masih lagi berada di qiam pertama belum habis lagi bacaan fatihahnya, atau imam sudah berada di tasyhud akhir sedang kan masih lagi berada di qiam pertama dan fatihahnya belum selesai, hukum ma'mum demikian ialah batal sembahyangnya, kecuali ia membuat dua pilihan segera semasa imam hendak berpindah kepada rukun ke empat iaitu:-

Pilihan pertama: ma'mum berkenaan di kehendaki meninggalkan bacaan fatihahnya dan terus mengikut dan melakukan apa yang sedang dilakukan oleh imam, dan ia tambah satu rakaat lagi selepas salam imam,

Pilihan kedua : ialah ma'mum berkenaan dikehendaki niat mufaraqah dari mengikut imam, kemudian ia hendaklah meneruskan bacaan al-fatihah dan rukun-rukun yang lain dengan seorang diri sehingga selesai sembahyangnya.

Jika ma'mum berkenaan gagal membuat pilihan segera sebelum imam sampai kepada rukun ke empat iaitu qiam kedua atau tasyhud akhir maka batal sembahyang ma'mum itu dengan sampainya imam kepada rukun ke empat sedangkan ia masih berada di rukun yang pertama, tetapi tidak mengapa jika sama-sama berpindah (selisih), iaitu ma'mum sedang berpindah kepada rukuk manakala imam sedang berpindah kepada qiam kedua atau berpindah kepada tasyhud akhir.

Masalah-masalah ma'mum yang muafik

Ulamak-ulamak fekah telah menjelaskan bahawa hukum orang muafik itu ada beberapa masalah, ada masalah bersepakat kata oleh ulamak dan ada masalah yang berlainan pendapat antara mereka.

Antara masalah-masalah yang bersepakat hukum antara ulamak mutakhirin ialah seperti berikut:-

Masalah pertama :

Orang muafik yang di maafkan oleh syarak kepada yang tertinggal tiga rukun jarak daripada imam itu ialah yang lambat bacaannya kerana tabiat kejadiannya begitu dan bukan was-was. Tetapi orang yang lambat bacaannya kerana was-was tidak di maafkan ketinggalan tiga rukun melainkan dimaafkan sekadar imam belum turun untuk sujud dia selesai bacaan fatihahnya,ya'ni orang muafik yang was-was boleh menghabiskan bacaan al-fatihah sebelum sebelum imam turun sujud jika dia belum habis lagi membaca al-fatihah imamnya turun untuk sujud, maka batallah sembahyangnya kecuali ma'mum berkenaan niat mufarakah (berpisah dengan imam) sebelum imam turun sujud dan dia di waktu itu dikehendaki meneruskan bacaan fatihahnya dan mengerjakan rukun-rukun yang lain hingga selesai sembahyang. Kepada orang muafik yang was-was tidak boleh meninggalkan bacaan al-fatihah dan terus melakukan apa yang di buat oleh imam bila dia tidak sempat menghabiskan bacaan fatihahnya, kerana ia dikira seperti hukum orang yang sengaja meninggalkannya.

Masalah kedua:

Yaitu orang muafik yang syak sebelum dia rukuk dan sesudah imamnya rukuk adakah ia sudah membaca al-fatihah atau belum, maka wajib keatasnya membaca surah al-fatihah dan dimaafkan ketinggalan tiga rukun daripada imamnya.

Masalah ketiga:

Seorang muafik yang lupa membaca surah al-fatihah sehingga imamnya rukuk tetapi ma'mum berkenaan belum rukuk,

Kemudaian dia teringat bahawa dia belum lagi membaca al-fatihah, ma'mum ini diwajibkan membaca al-fatihah dan dimaafkan kepadanya ketinggalan tiga rukun seperti di atas.

Masalah ke empat:

Seorang muafik yang syak adakah dia telah membaca al-fatihah atau belum lagi, atau pun ia teringat bahawa ia belum lagi membaca al-fatihah sesudah imam dan ia sendiri telah melakukan rukuk, hukum orang itu tidak boleh lagi ia kembali membaca al-fatihah tetapi wajib ke atasnya terus mengikut imam dan apabila selesai salam imamnya dia dikehendaki menambah satu rakaat lagi.

Masalah ke lima:

Orang muafik yang syak sesudah ia rukuk sedangkan imam belum lagi rukuk, yaitu syak adakah ia sudah membaca al-fatihah atau belum. Hukumnya wajib ia kembali qiam dan membaca al-fatihah, dan ia dimaafkan ketinggalan tiga rukun yang panjang daripada imamnya.

Masalah ke enam:

Orang muafik yang tertinggal membaca al-fatihah kerana sibuk membaca doa iftitah, tiba-tiba imamnya rukuk sebelum dia sempat menghabiskan bacaan al-fatihah, sama ada dia elah membaca sebahagian daripada ayat-ayat al-fatihah atau pun belum sempat membacanya walau sedikit pun, hukumnya wajib ia membaca al-fatihah dan dimaafkan ketinggalan tiga rukun daripada imamnya.

Masalah ke tujuh:

Orang muafik yang sedang menunggu saktah imamnya yak'ni belum memperhatikan bacaan al-fatihah imamnya untuk mendapatkan sunat dan bercadang membaca al-fatihah apabila imam membaca surah nanti, tetapi imam apabila ia selesai membaca al-fatihah terus rukuk tanpa membaca mana-mana surah, dengan itu ma'mum berkenaan tidak sempat membaca al-fatihah, hukumnya dimaafkan ketinggalan tiga rukun daripada imam dan wajib ke atasnya membaca al-fatihah.

Masalah ke lapan:

Orang muafik yang sedang menunggu saktah imamnya untuk mendapatkan sunat dan bercadang akan membaca surah al-fatihah apabila imam membaca surah nanti, tetapi imam apabila ia selesai membaca al-fatihah dibaca surah yang pendek menyebabkan ma'mum tidak sempat menyempurnakan bacaan fatihahnya sedangkan imam sudah rukuk atau sujud, hukumnya dimaafkan ketinggalan tiga rukun daripada imamnya.

Masalah khilaf:

Masalah khilaf antara ulamak mutaakhirin dalam menetapkan hukum terhadap orang muafik adalah seperti berikut:-

Pertama: seorang muafik sembahyang berjamaah bersama imamnya tiba-tiba ia tertidur di tashud awal dengan tetap papan punggungnya di tempat duduk, dia terus tidur sehingga semasa imamnya turun rukuk atau berada di ahkir qiam baru dia terjaga dari tidurnya, hukumnya khilaf antara Sheikh Ibnu Hajar dan Sheikh Ramli. Pendapat Sheikh Ramli bahawa ma'mum itu masuk dalam bab orang muafik juga dan hukumnya dimaafkan ketinggalan tiga rukun daripada imam.

Tetapi Sheikh Ibnu Hajar berpendapat bahawa ma'mum itu sudah termasuk dalam bab orang masbuk, hukumnya tidak boleh ketinggalan tiga rukun daripada imam,bahkan ia membaca surah al-fatihah sekadar yang dapat dan wajib ia terus mengikut imamnya rukuk, jika ia rukuk sempat mempunyai toma'ninah sebelum imamnya bangkit daripada rakaat itu.

Kedua: seorang muafik sembahyang berjamaah bersama imamnya, bila imamnya bertakbir untuk qiam sangkanya takbir itu untuk duduk tashud awal dia pun duduk tashud awal,kemudian dia mendengar pula imam bertakbir untyk rukuk disangkanya takbir itu untuk berdiri daripada tashid awal, selepas itu barulah ma'mum tersebut sedar bahawa sebenarnya takbir imam itu untuk rukuk. Dalam masalah ini hukumnya juga khilaf antara Sheikh Ramli dan Sheukh Ibnu Hajar, kata Sheikh Ramli bahawa ma'mum itu masuk dalam bab orang muafik dan hukumnya di maafkan ketinggalan tiga rukun daripada imam.manakala Sheikh Ibnu Hajar berpendapat bahawa ma'mum itu sudah termasuk dalam bab orang masbuk,dan hukumnya tidak boleh lagi ketinggalan tiga rukun daripada imamnya,bahkan ia membaca al-fatihah sekadar yang dapat dan wajib ia mengikut imamnya rukuk,jika ma'mum itu sempat rukuk dengan imamnya sekadar ada tama'ninah sebelum imamnya bangkit daripada rukuk maka dia mendapat rakaat itu.

Ketiga: seorang muafik sedang berjamaah dengan imamnya bersama-sama membaca tasyhud awal,apabila imamnya berdiri (qiam) daripada tasyhud awal,ma'mum itu masih lagi belum selesai membaca tasyhudnya,manakala ma'mum itu berdiri tegak didapati imamnya sudah rukuk atau hampir rukuk.

Dalam masalah itu kata Sheikh Ramli termasuk dalam bab orang muafik juga dimana ia di maafkan ketinggalan tiga rukun sebagaimana hukum di atas, kata Sheikh Ibnu Hajar masalah itu tidak termasuk dalam bab orang muafik dan tidak di maafkan ketinggalan tiga rukun daripada

Imamnya kerana dia meninggalkan bacaan dengan sengaja,hukumnya jika ma'mum itu dapat menyempurnakan bacaan fatihahnya dan sempat rukuk sebelum imamnya turun kepada sujud bahawa dia mendapat rakaat itu,jika dia sempat menghabiskan bacaan fatihahnya sebelum imamturun kepada sujud hendaklah dia niat mufaraqah dan hendaklah meneruskan sembahyang seorang diri dengan mengikuti peraturan-peraturan sembahyang,jika menyalahi ketetapan hukum ini sembahyangnya menjadi batal.

Begitun juga hukumnya khilaf antara Sheikh Ibnu Hajar dengan Sheikh Ramli jika seorang muafik sedang sembahyang jamaah dengan imamnya,tiba –tiba ia lupa bahawa dia mengikut imam,semasa dalam dalam sujud baharu ia teringat bahawa dia mengikut imam,sebelum ia sempat berdiri (qiam) daripada sujud didapati imamnya telah rukuk atau hampir rukuk.

Kata Sheikh Ramli ia seperti hukum orang muafik dimana ia wajib membaca al-fatihah dan di maafkan ketinggalan tiga rukundaripada imam.tetapi kata Sheikh Ibnu Hajar masalah itu seperti hukum orang masbuk,kalau ma'mum itu dapat rukuk bersama imam dengan mempunyai tama'ninah maka dia mendapat rakaat itu,jika dia tidak sempat rukun bersama imam maka ia wajib menambahkan satu rakaat lagi selepas salam imamnya .

Pembicaraan hukum orang masbuk

Sebagaimana dalam huraian yang lepas bahawa orang masbuk atau ma'mum itu ialah ma'mum yang tidak sempat berjamaah dalam masa qiam / berdiri imamnya sekadar masa yang membolehkan ia membaca surah al-fatihah hingga tamat mengikut pembacaan pertengahan di kalangan orang ramai.

Umpamanya seorang ma'mum masuk bersembahyang jamaah lewat iaitu ketika imam membaca surah al-kafirun hampir tamat pada rakaat yang pertama ma'mum itu

Di namakan orang masbuk kerana masa qiam / berdiri imamnya itu tidak sempat dan tidak membolehkan ia membaca al-fatihah hingga selesai.

Tetapi sekiranya seorang ma'mum masuk berjamaah sembahyang isyak ketika imamnya hendak memulakan bacaan surah ((adduha)) selepas al-fatihah,ma'mum di namakan muafik kerana masa berdiri imamnya sempat ia membaca surah al-fatihah mengikut pembacaan aruf orang ramai.

Orang masbuk atau ma'mum yang masbuk hukumnya di maafkan meninggalkan bacaan al-fatihah,keran surah al-fatihah yang belum dibaca atau sempat dibaca sebahagian sahaja oleh ma'mum itu semuanya di tanggung oleh imamnya.

Syarat –syarat masbuk seperti berikut:-

1. hendaklah imamnya suci daripada hadas dan najis .
2. hendaklah rakaat yang ma'mum masbuk mengikut imam itu bukan rakaat yang lebih umpamanya rakaat kelima .
3. hendaklah ma'mum yang masbuk itu sempat rukuk dan mempunyai tama'ninah sebelum imamnya bangkit daripada rukuk.

Contoh dan gambaran –gambaran masbuk adalah seperti berikut:-

Contoh pertama:

Setengah daripada ma'mum itu pada mulanya dia adalah orang muafik,di dalam menunaikan peraturan-peraturan sembahyangnya ia terlewat,belum sempat ia bangkit qiam tiba-tiba imamnya telah rukuk atau hampir rukuk,hukum ma'mum itu ialah orang masbuk,jika sempat qiam dan terus rukuk sebelum imamnya bangkit daripada rukuk maka ia memdapat rakaat itu di maafkan dia meninggalkan bacaan al-fatihah.

Contoh kedua:

Didapati kebanyakkan imam-imam sembahyang terlalu cepat membaca bacaan didalam sembahyang

Apabila ma'mum berdiri / qiam daripada sujudnya didapati imamnya sudah rukuk dan ia tidak sempat menghabiskan bacaan al-fatihah,maka hukumnya wajib keatas ma'mum itu rukuk bersama-sama imamnya kerana ia seperti orang masbuk dan ia mendapat rakaat itu.begitulah hukumnya jika hal keadaan seperti ini berlaku setiap rakaat sekali pun,kalau ma'mum itu meneruskan bacaan fatihahnya sehingga imamnya rukuk dan bangkit daripada rukuk sedangkan ia masih menyempurnakan bacaan al-fatihah atau dia dapat rukuk bersama imam tetapi belum sempat ada tama'ninah,imamnya telah bangkit daripada rukuk,maka luputlah dari rakaat itu dan hendaklah ia melakukan apa yang dibuat oleh imamnya dan selepas salam imamnya,ma'mum berkenaan di kehendaki tambah satu rakaat lagi.

Mengikut apa yang disebut oleh alamah syibran mallisi bahawa sunat kepada orang masbuk tidak membaca apa-apa bacaan sunat selepas takbiratul ihram tetapi hendaklah ia membaca al-fatihah sahaja kecuali ia menjangka sempat membaca al-fatihah dan membaca zikir yang sunat itu baharulah boleh berbuat demikian.

Contoh ketiga:

Seorang masbuk yang berjamaah dengan imam,apabila rukuk imamnya dan ma'mum yang masbuk belum lagi sempat membaca surah al-fatihah dimana ia tidak membaca apa-apa kecuali al-fatihah,hendaklah ia tinggalkan bacaan fatihahnya dan wajib ia mengikut imamnya rukuk,

kerana al-fatihah yang belum di baca atau sempat di baca sebahagian sahaja itu semuanya di tanggung oleh imamnya,jika ma'mum yang masbuk itu bertabiat lambat bacaannya sekalipun tidak wajib keatasnya membaca lebih daripada kemampuan yang dia dapat,berlainan kepada ma'mum muafik yang lambat bacaannya,dia di kehendaki menghabiskan bacaan fatihahnya dan di maafkan ketinggalan tiga rukun daripada imamnya sebagaimana dalam penerangan yang lepas.

Contoh ke empat:

Jika seorang ma'mum yang masbuk rukuk terkemudian daripada imam sebab ia membaca al-fatihah hingga bangkit imamnya daripada rukuk, maka luputlah rakaat itu dan wajib ke atasnya tambah satu rakaat lagi selepas salam imamnya.

Contoh ke lima:

Seorang ma'mum masbuk bersembahyang jamaah sibuk membaca zikir yang sunat tiba-tiba imannya rukuk sedangkan dia belum membaca surah al-fatihah, ma'mum itu wajib keatasnya membaca al-fatihah sekadar huruf-huruf yang di baca dalam zikir sunat itu, dan ia dikehendaki menggunakan ijtihad pada zannya dalam hal ini.

Contoh ke enam:

Jika seorang ma'mum yang masbuk itu diam tanpa membaca l-fatihah selepas takbiratul ihram sehingga imamnya rukuk, wajib ke atasnya membaca al-fatihah sekadar masa yang ia diam itu, dan ia dikehendaki menggunakan ijtihad pada zannya dalam hal ini.

Apabila ma'mum yang masbuk itu selesai membaca daripada al-fatihah kerana menggantikan zikir sunat atau diamnya dalamnya dalam contoh ke lima dan ke enam di atas, kemudian wajib ia rukuk, jika ia dapat rukuk dengan imam sekadar toma'ninah dengan yakin sebelum imamnya bangkit daripada rukuk maka dia dapat rakaat itu. Jika imamnya telah bangkit daripada rukuk sedangkan ia baru selesai membaca al-fatihah atau ia sempat rukuk dengan imamnya tetapi tidak ada toma'ninah, maka luputlah rakaat itu dan dia dikehendaki tambah satu rakaat lagi selepas salam imamnya.

Jika imamnya sudah mengangkat kepala daripada rukuk dan ma'mum yang masbuk itu masih lagi belum sempurna bacaan fatihahnya wajib ke atasnya niat mufarakah sebagaimana di terangkan oleh Sheikh Ibnu Hajar dalam kitab Minhaj Al-Qawim, di terangkan oleh Syaribani dalam kitab mugni dan diterangkan oleh Sheikh Ramli dalam kitab nihayah. Mengikut pendapat Sheikh Al-Islam pula bahawa ma'mum yang masih belum sempurna bacaan fatihahnya sedangkan imamnya sudah mengangkat kepala daripada rukuk tidak wajib ke atasnya niat mufarakah bahkan di beri pilihan antara mufarakah atau tinggalkan rukuk dan terus sujud bersama imamnya.

Masbuk Jumaat

Sebagaiman telah di maklumi bahawa sembahyang jumaat diwajibkan dengan berjamaah ya'ni tidak sah jumaat kecuali dengan berjamaah sekurang-kurangnya empat puluh orang yang kamil atau sempurna, yaitu orang yang berakal, cukup umur merdaka dan bermastautin.

Sembahyang jumaat merupakan ikatan perpaduan melalui ibadat mingguan yang diwajibkan ke atas kaum muslimin sahaja.

Solat jumaat mempunyai dua rakaat sahaja tetapi diwajibkan tambahan dua khutbah. Kepada ma'mum yang mabuk menunaikan fardu jumaat ketika imam dan ma'mum yang lain sedang bersembahyang, jika ma'mum yang masbuk itu sempat rukuk bersama imam pada rakaat yang ke dua serta mempunyai toma'ninah, maka dia mendapat jumaat dan dikehendaki ia menambah satu rakaat lagi selepas salam imam dan disunatkan bacaan yang nyaring.

Jika ma'mum yang masbuk sempat berjamaah ketika imamnya iktidal atau ketika selepas iktidal seperti sujud pada rakaat ke dua dan sebagainya maka luputlah jumaatnya dan dikehendaki ia menyempurnakan sembahyang zohor dengan menambahkan empat rakaat selepas salam imam dan bacaan al-fatihah serta ayat-ayat selepas al-fatihah dengan perlahan.

Mana-mana ma'mum yang masbuk berimam kepada orang yang mendapat satu rakaat bersama imam jumaat dia juga mendapat jumaat jika ia sempat rukuk bersama imamnya pada rakaat kedua itu dan dia dikehendaki tambah satu rakaat lagi, atau dengan lain perkataan jika seorang ma'mum yang masbuk sempat berjamaah satu rakaat dengan imam jumaat tiba-tiba datang seorang yang lain berimam pula kepadanya dan sempat rukuk bersamanya pada rakaat pada rakaat kedua, maka orang yang ketiga itu juga mendapat jumaat dan dikehendaki beliau menambahkan satu rakaat lagi selepas salam imamnya, begitulah hukum seterusnya jika hal seperti ini berlaku sehingga waktu asar.

Kepada ma'mum yang masbuk tidak sempat mengikut imam jumaat dalam rukuk rakaat kedua wajib ke atasnya berniat jumaat, tetapi setengah ulamak fekah berpendapat bahawa harus bagi ma'mum masbuk berniat jumaat atau niat zohor jika ia tidak sempat rukuk bersama imam jumaatpada rakaat kedua. Ulamak yang mengatakan wajib ma'mum masbuk berniat jumaat itu hanya pada segi niat sahaja tetapi pelaksaan amalannya ialah sembahyang zohor empat rakaat.

Kitab rujukan:-

1. Muniatul Musali
2. Ta'lim Al- solat
3. Fekah Al- sunah
4. Fekah Ala Mazahab Arba'ah
5. Furui Masa'al
6. Ianah Tholibin